

PM tentukan angkasawan

MM: Ahad 24/6/2007

ROMPIN 23 Jun – Keputusan sama ada Dr. Sheikh Muszaphar Shukor atau Kapten Dr. Faiz Khaleed yang bakal mencatat sejarah menjadi rakyat Malaysia pertama melaksanakan misi ke angkasa lepas akan ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis berkata, keputusan muktamad itu akan dibuat oleh Perdana Menteri setelah menerima laporan penuh kemajuan latihan dari pihak Rusia dan Amerika Syarikat (AS).

“Kita akan serah laporan kepada Perdana Menteri untuk beliau membuat keputusan sama ada kekal dengan keputusan seperti yang kita cadangkan (atau sebaliknya).

“Bagaimanapun keputusan itu akan dibuat selepas mereka menjalani latihan di Texas, Amerika Syarikat (AS),” kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Pelancaran Rumah Mampu Milik Taman Nusa Puteri di sini, hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan dua calon angkasawan Malaysia itu yang berjaya menamatkan latihan di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City, Moscow sejak 9 Oktober tahun lalu baru-baru ini, kini bersedia melaksanakan misi ke angkasa lepas bila-bila masa.

Timbalan Kaunselor Komersial, Wakil Kerjasama Antara Negara Rusia (Rosobo-

Keputusan muktamad akan dibuat oleh Perdana Menteri setelah menerima laporan penuh kemajuan latihan dari pihak Rusia dan Amerika Syarikat (AS)

– Jamaludin Jarjis

ronexport), Kolonel Victor N. Kladov berkata, tahap prestasi mereka sama serta layak dan bersedia untuk dihantar ke angkasa lepas.

Jamaludin yang baru pulang dari Rusia serta berjumpa dengan kedua-dua calon angkasawan itu berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi mereka setakat ini.

Beliau berkata, mereka kini bercuti tiga minggu di tanah air bermula hari ini dan akan menjalani latihan bersama selama se-

minggu di Texas.

Beliau turut mencadangkan supaya Abdullah menyaksikan pelancaran angkasawan negara ke angkasa lepas pada Oktober ini di Baikanur, Rusia.

Dalam pada itu katanya, saintis Malaysia akan berbincang dengan saintis Rusia, AS dan Eropah mengenai ujian yang bakal dilaksanakan oleh angkasawan negara di angkasa lepas kelak.